




KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 10 TAHUN 2008

PENETAPAN GRED JAWATAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) YANG MENJALANKAN TUGAS PEMBANTU KHAS

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 8 Tahun 2008 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh di muat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.


(DR. HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN


Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 19 Rejab 1429H
22 Julai 2008

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 7/(19)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

- Salinan :
- 1) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
 - 2) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkunun Negeri
 - 3) Semua Ketua Unit/Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2008

**PENETAPAN GRED JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(KESETIAUSAHAAN) YANG MENJALANKAN TUGAS PEMBANTU KHAS**

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk menetapkan gred jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) Gred N17, N22, N32 serta Gred 36 (Terbuka) bagi mereka yang menjalankan tugas Pembantu Khas. Pekeling Perkhidmatan ini juga memperuntukkan jenis serta kadar elauan tidak berpencen yang layak dibayar kepada Pembantu Tadbir (Kesetiausaha).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan untuk menetapkan gred jawatan secara fleksi bagi peruntukan jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) Gred N17, N22, N32 yang menjalankan tugas Pembantu Khas kepada jawatan Gred Utama / Khas C ke atas serta setaraf. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju untuk menetapkan gred jawatan secara fleksi bagi peruntukan jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) Gred N32, 36 (Terbuka) yang menjalankan tugas Pembantu Khas kepada jawatan-jawatan Kehakiman seperti di **Lampiran A** dan jawatan Utama Turus I dan II serta yang setaraf. Pewujudan gred jawatan Pembantu Khas secara fleksi adalah bertujuan memenuhi keperluan mengekalkan kepakaran dan kesesuaian khusus Pembantu Khas bagi tujuan kelancaran organisasi. Di samping itu, penempatan Pembantu Khas baru memerlukan tempoh latihan serta penyesuaian dalam organisasi dan keserasian dengan pegawai penyelia.
3. Selaras dengan peningkatan beban serta kompleksiti tugas, Kerajaan telah mengkaji semula kadar elaun-elaun yang layak dibayar kepada Pembantu Khas berkenaan.

PENENTUAN GRED JAWATAN PEMBANTU KHAS SERTA KADAR ELAUN PEMBANTU KHAS

4. Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) yang diperuntukkan kepada pegawai yang layak Pembantu Khas adalah ditempatkan secara fleksi mengikut kategori dan gred jawatan pegawai penyelia. Pembantu Khas berkenaan juga adalah layak dibayar **Elaun Pembantu Khas**.
5. Kadar Elaun Pembantu Khas yang diperuntukkan bagi Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) berkenaan adalah berdasarkan kepada gred jawatan pegawai penyelia. Peruntukan Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) dan kelayakan Elaun Pembantu Khas adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1 : Peruntukan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaank) Dan
Kadar Elaun Pembantu Khas**

Kategori		Gred Jawatan Pegawai Penyelia	Gred Jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaank)	Elaun Sebulan (RM)
a.	(i)	Jawatan-jawatan Kehakiman seperti di Lampiran A	Gred N32 / Gred 36 (Terbuka)	190
	(ii)	Jawatan Utama Turus I dan II serta yang setaraf	Gred N32 / Gred 36 (Terbuka)	
	(iii)	Jawatan Utama Turus III serta yang setaraf	N17/N22/N32	
	(iv)	Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Yang DiPertua Dewan Negara	N17/N22/N32	
b.	(i)	Jawatan Utama Gred A, B dan C serta yang setaraf	N17/N22/N32	150
	(ii)	Jawatan Gred Khas A, B dan C serta yang setaraf tertakluk kepada kelulusan khas JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)	N17/N22/N32	
c.	(i)	Jawatan Gred 54 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta yang setaraf tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)	N17	120
d.	(i)	Jawatan Gred 52 dan 48 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta yang setaraf yang melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi)	N17	120

ELAUN-ELAUN LAIN

Elaun Trengkas Dwibahasa

6. Pada masa ini **Elaun Trengkas Dwibahasa** dibayar kepada Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) yang telah **lulus peperiksaan trengkas Bahasa Inggeris** seperti berikut :

Bil.	Tahap Kecekapan / Kederasan	Elaun Sebulan (RM)
(a)	Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 80 perkataan seminit (p.s.m.) dan menaip salinan trengkas atau nota rintas sederas 20 p.s.m.	85.00
(b)	Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 100 p.s.m. dan menaip salinan trengkas atau nota rintas sederas 25 p.s.m.	100.00

7. Sementara Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) yang lantikan asalnya ialah sebagai **Jurutrengkas Bahasa Inggeris** dan telah lulus **peperiksaan trengkas Bahasa Melayu** adalah layak dibayar Elaun Trengkas Dwibahasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP) seperti berikut:

Bil.	Tahap Kecekapan / Kederasan	Elaun Sebulan (RM)
(a)	Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 60 p.s.m. dan menaip salinan trengkas sederas 20 p.s.m.	50.00
(b)	Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 80 p.s.m. dan menaip salinan trengkas sederas 20 p.s.m.	75.00
(c)	Mengambil trengkas atau nota rintas sederas 100 p.s.m. dan menaip salinan trengkas sederas 25 p.s.m.	100.00

8. Mulai tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, bagi memastikan bahawa pembayaran Elaun Trengkas Dwibahasa dibayar kepada mereka yang benar-benar **menjalankan tugas-tugas trengkas atau nota rintas dwibahasa**, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan senarai Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) yang melaksanakan tugas-tugas trengkas atau nota rintas dua bahasa dan memperakukannya untuk kelulusan bayaran Elaun Trengkas Dwibahasa. Sekiranya Ketua Jabatan mendapati bahawa mutu kecekapan Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) telah merosot, maka Ketua Jabatan berkaitan boleh mengarahkan supaya Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) tersebut mengambil semula peperiksaan nota rintas. Sekiranya Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) berkenaan gagal, elaun tersebut akan dihentikan.

URUSAN PEMBAYARAN ELAUN

9. Penetapan tarikh kuat kuasa pembayaran elau-elau berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Bagi jawatan Pembantu Khas [Pembantu Tadbir (Kesetiausaha)] yang baru diluluskan selepas berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Elaun Pembantu Khas boleh dibayar mulai tarikh pengisian jawatan tersebut; atau
- (b) Bagi Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) yang baru menduduki dan lulus peperiksaan trengkas yang berkaitan, maka pembayaran Elaun Trengkas Dwibahasa adalah berkuat kuasa pada bulan berikutnya selepas tarikh keputusan peperiksaan tersebut diumumkan.

10. Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) yang sedang menikmati elau di atas, tidak layak dibayar elau-elau tersebut apabila meninggalkan tugasnya selama 28 hari dan lebih secara berturut-turut. Walau bagaimanapun pengecualian diberi kepada pegawai yang meninggalkan tugasnya bagi tempoh yang tidak melebihi 92 hari berturut-turut

termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am dalam keadaan berikut:

- (a) Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;
- (b) Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan; atau
- (c) Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut Perintah Am Bab C.

11. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab ke atas urusan kelulusan pembayaran elaun serta pemberhentian elaun-elaun di atas.

SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT

12. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans) termasuk yang mengisi jawatan Pembantu Khas adalah layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred kenaikan pangkat berikutnya sekiranya memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan dan lain-lain kriteria yang diputuskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Julai 2008**.


PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

15. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1994, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1995 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2008 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA
18 JUN 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

JAWATAN-JAWATAN KEHAKIMAN YANG DIPERUNTUKKAN PEMBANTU KHAS [PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)] GRED N32 / 36 (TERBUKA)

1. Ketua Hakim Negara;
2. Presiden Mahkamah Rayuan;
3. Hakim Besar Malaya;
4. Hakim Besar Sabah dan Sarawak;
5. Hakim Mahkamah Persekutuan;
6. Hakim Mahkamah Rayuan;
7. Hakim Mahkamah Tinggi; dan
8. Pesuruhjaya Kehakiman.